

Mahathir jelas sebab Ghafar dilantik Ketua Perhubungan UMNO Sabah

22 FEB 1991

KOTA KINABALU 21 Feb. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan Encik Ghafar Baba dilantik sebagai Ketua Perhubungan UMNO Sabah buat sementara waktu untuk menarik orang-orang di luar USNO menyertai UMNO.

Beliau berkata, sebagai Timbalan Presiden UMNO dan Timbalan Perdana Menteri, sudah tentulah Encik Ghafar berada dalam kedudukan yang paling baik untuk berbuat demikian.

Lagipun katanya, Encik Ghafar lah orang yang bertungkus-lumus semasa pilihanraya yang lalu untuk memenangi calon-calon USNO apabila Parti Bersatu Sabah keluar daripada Barisan Nasional.

Beliau membuat penjelasan ini kepada Perhimpunan Agung USNO yang bersidang hari ini.

Penjelasannya jelas meyakinkan para perwakilan apabila mereka bertepuk dan bersorak mendengar penerangan Dato' Sri Dr. Mahathir yang dibuat dengan begitu berterus-terang dan ikhlas.

Sambil memberi penjelasan itu, Perdana Menteri sekali lagi memberi jaminan bahawa UMNO Sabah

tetap akan dipimpin oleh orang Sabah.

"Kedatangan kita ke sini bukan untuk menjajah tetapi supaya USNO dapat bergerak dengan lebih berkesan dalam perjuangan politiknya."

"Inilah sahaja niat kita dan sesungguhnya ia adalah satu pengorbanan supaya USNO boleh mencapai kejayaan yang lebih bermakna bersama UMNO."

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, sesebuah parti politik tidak boleh sekadar wujud sahaja. Ia hendaklah menjadi alat untuk mencapai cita-citanya.

"Kita tidak akan lantik orang Semenanjung memimpin UMNO Sabah. Perlantikan Encik Ghafar hanya sekejap saja dan kita tidak akan membelakangkan Tun Mustapha," tegas beliau, sekali lagi disambut tepukan gemuruh.

Sesungguhnya, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, USNO sudah pun bersama UMNO di dalam Barisan Nasional. Ini, ujarnya, dengan sendirinya menunjukkan bahawa orang-orang Sabah memang sudahpun menerima orang di luar Sabah sebagai pemimpin mereka.

Oleh yang demikian, tegas beliau, bukanlah suatu kesalahan melantik Encik Ghafar buat sementara saja mengetuai UMNO Sabah.

Sepatutnya, ujar Perdana Menteri, rakyat Sabah berbangga dapat menyertai sebuah parti yang bukan sahaja besar dan kuat, tapi juga merupakan parti yang sedang memerintah bersama rakan-rakannya dalam Barisan Nasional.

"Jadi kita tidaklah boleh membeza-bezakan dari mana pemimpin itu (Encik Ghafar) datang.

"Kita harap dan yakin Encik Ghafar akan dapat menarik orang-orang di luar USNO termasuk daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai UMNO," katanya.